

1983

KUALA LUMPUR, 23 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA PENDUDUK NEGARA INI KERANA SIFAT MEREKA YANG BERMURAH HATI DALAM MENYUMBANGKAN DERMA.

"SAYA SUNGGUH BERBANGGA KERANA RAMAI PENDUDUK TERUTAMA DI KUALA LUMPUR YANG MUDAH DAN TIDAK PERNAH BOSAN DALAM MENGHULURKAN DERMA UNTUK BERBAGAI TUJUAN," KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERPENDAPAT RAMAI PENDUDUK DI NEGARA INI MAMPU MENGELUARKAN DERMA OLEH KERANA MEREKA TELAH BERJAYA DALAM LAPANGAN YANG MEREKA BERTAI.

"KITA PATUT KADANGKALA MENEPUK DADA KERANA SIFAT KITA YANG BERMURAH HATI INI," TAMBAH BELIAU DI MALAM SUMBANGSIH ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO YANG DIADAKAN DI HOTEL HILTON.

DI MAJLIS ITU BELIAU MENERIMA CEK BERNILAI \$250,00 DARIPADA PERGERAKAN PEMUDA UMNO HASIL KUTIPAN DERMAWAN UNTUK KOMPLEKS UMNO MALAYSIA YANG KINI SEDANG DALAM PEMBINAAN.

CEK DISAMPAIKAN OLEH KETUA PERGERAKAN ENCIK ANWAR IBRAHIM YANG JUGA TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI. --LAGI

ZCZC B709

MAHATHIR-DERMA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PEMUDA UMNO KERANA BERJAYA MENGUMPULKAN BEGITU RAMAI PENDERMA DAN BERHARAP LEBIH RAMAI LAGI PENDERMA AKAN MEMBUAT SUMBANGAN DI MASA DEPAN.

"SAYA DAPATI KADANGKALA MASIH TERDAPAT ORANG YANG BERPENDAPATAN TINGGI TIDAK BEGITU TERTARIK UNTUK MEMBERI DERMA," TAMBAH BELIAU.

BELIAU JUGA BERHARAP BAKI HASIL KUTIPAN DERMA AKAN DIGUNAKAN DENGAN CARA BAIK UNTUK MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN PEMUDA UMNO.

DI UPACARA ITU JUGA, SYARIKAT MITSUBISHI JEPUN TELAH MENGHADIAHKAN SEBUAH KERETA SPORT "STARION" TURBO EX UNTUK PEMUDA UMNO MELALUI PERDANA MENTERI.

KERETA BERWARNA MERAH ITU YANG MERUPAKAN YANG PERTAMA DI NEGARA INI DIJUAL DENGAN HARGA \$60,000 KEPADA SEORANG DERMAWAN YANG HADIR DALAM MAJLIS ITU. --LAGI 2325/JMY

MAHATHIR-DERMA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KERETA ITU, PERDANA MENTERI MENCERITAKAN BELIAU MENDAPAT TAHU DARIPADA ANAKNYA YANG KINI MENUNTUT DI JEPUN BAHAWA IA SEPATUTNYA DINAMAKAN "STALLION" (KUDA JANTAN YANG GAGAH).

"TETAPI DALAM BAHASA JEPUN IA TERUS MENJADI STARION," DI SAMBUT DENGAN GELAK KETAWA PARA TETAMU YANG TERMASUK TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM.

MAJLIS DIBERIKAN DENGAN TARIAN KEBUDAYAAN OLEH PASUKAN SENI SUDAYA SABAH DAN NYANYIAN OLEH BEBERAPA ORANG ARTIS TERKENAL DENGAN DIIRINGI OLEH ORKES TENTERA DARAT.

PERDANA MENTERI JUGA MENYAMPAIKAN PIALA KEPADA DUA ORANG OLARAGAWAN NEGARA, RABUAH PIT DAN ZAITON OTHMAN, YANG JUGA MERUPAKAN ANGGOTA PERSATUAN OLARAGA PEMUDA UMNO DI UPACARA ITU. --BERNAMA 2322/JMY